



Indeks Perdagangan Luar Negeri Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



@StatsMalaysia



INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, DISEMBER 2023

EKSPORT

Nilai
(RM Bilion)

121.7 NOV '23

118.5 DIS '23

▼ 2.7%



▼ 14.8%

Minyak Galian



▼ 8.0%

Makanan



▼ 3.9%

Bahan Kimia

Indeks
Volum

▼ 1.8%



▼ 3.6%

Minyak & Lemak
Binatang & Sayur-sayuran




▼ 2.4%

Minyak Galian



▼ 0.5%

Barang-barang Keluaran
Kilang



▼ 4.5%



Minyak Galian



▼ 0.5%

Alat Jentera & Kelengkapan
Pengangkutan



▼ 0.5%

Bahan Kimia

▼ 0.9% ▼ 1.0%
Indeks Nilai Seunit

IMPORT

NOV '23 109.5

DIS '23 106.7

Nilai
(RM Bilion)

▼ 2.6%

▼ 6.3%

Bahan Kimia

▼ 3.8%

Alat Jentera &
Kelengkapan
Pengangkutan

▼ 1.2%

Pelbagai Barang
Keluaran Kilang

Indeks
Volum

▼ 1.6%

TERMA PERDAGANGAN

▲ 0.1%

Minyak Galian

▲ 2.2%

Makanan

▲ 0.9%


Bahan Mentah Tidak
Boleh Dimakan

▲ 0.8%

Semua perubahan berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Sumber: Indeks Perdagangan Luar Negeri Disember 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PERATUS PERUBAHAN BULAN KE BULAN BAGI INDEKS NILAI SEUNIT EKSPORT DAN IMPORT



@StatsMalaysia



Terma Perdagangan Malaysia kekal melebihi 100 mata di semua bulan pada 2023, meningkat 0.1 peratus pada Disember 2023.

- **Indeks nilai seunit eksport** jatuh 0.9 peratus pada Disember 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-3.6%), minyak galian (-2.4%) dan barang-barang keluaran kilang (-0.5%). Pada masa yang sama, **indeks volum eksport** susut 1.8 peratus selaras dengan penyusutan indeks minyak galian (-14.8%), makanan (-8.0%) dan bahan kimia (-3.9%). **Indeks volum eksport pelarasan bermusim** merosot 9.3 peratus daripada 155.4 mata kepada 140.9 mata. Merujuk kepada **perbandingan tahunan**, indeks nilai seunit naik 2.4 peratus manakala indeks volum jatuh 12.0 peratus.
- **Indeks nilai seunit import** menurun 1.0 peratus pada Disember 2023, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-4.5%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.5%) dan bahan kimia (-0.5%). **Indeks volum import** turut jatuh 1.6 peratus pada Disember 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks bahan kimia (-6.3%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-3.8%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-1.2%). **Indeks volum import pelarasan bermusim** naik 0.2 peratus daripada 188.1 mata kepada 188.4 mata. **Perbandingan tahun ke tahun** menunjukkan indeks nilai seunit import menyusut 0.3 peratus dan indeks volum bertambah 3.4 peratus.
- **Terma perdagangan** Malaysia meningkat 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 114.6 mata pada Disember 2023.

